KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	23.05.22	MUKA SURAT	:	31
JABATAN	:	PERHILITAN			



Tiada bukti harimau berkeliaran

Tiada jejak hidupan liar berkenaan dijumpai di Kemensah Heights dan laluan rentas

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY

AMPANG

Usaha mengesan jejak harimau didakwa dilihat di Jalan Tropika Kemensah 3, Kemensah Heights masih belum menemui sebarang bukti yang menunjukkan kehadiran hidupan liar berkenaan.

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Selangor menerusi kenyataannya memaklumkan, pemantauan telah dijalankan di kawasan aduan pada jam 11.30 malam pada Jumaat hingga jam 3 pagi pada Sabtu.

Bagaimanapun, katanya, tiada kesan atau jejak hidupan liar berkenaan dijumpai di lokasi aduan serta bilasan rentas di sekitarnya malah pengawal keselamatan yang didakwa melihat kehadiran haiwan itu juga tidak dapat dikesan.

"Pemeriksaan lanjut di lokasi berhampiran juga tidak dapat mengesahkan kesahihan kehadiran hidupan liar tersebut," kata Perhilitan Selangor dalam kenyataan itu pada Sabtu.

Dalam kenyataan sama, Perhilitan Selangor menegaskan, sebelum sebarang aduan dibuat, pengadu hendaklah memastikan bahawa aduan tersebut adalah benar dan mempunyai maklumat yang sahih.

"Ini bagi mengelak berita palsu tersebar sehingga berlakunya situasi panik kepada masyarakat setempat," katanya.

Kata kenyataan itu lagi, Perhilitan Selangor bagaimanapun akan terus menerima sebarang aduan dari semasa ke semasa bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci.

"Orang ramai dinasihatkan supaya lebih berhati-hati jika bersemuka dengan hidupan liar dan sebarang aduan serta maklumat berkenaan hidupan liar boleh disalurkan kepada talian *hotline* **1-800-88-5151** atau e-aduan di laman web www.wild-life.gov.my," katanya.

Pada Jumaat, dakwaan dibuat oleh seorang penggguna WhatsApp tular di media sosial mengatakan seorang pengawal keselamatan bertugas di kawasan perumahan itu terserempak seekor harimau berdekatan Jalan Tropika, Kemensah 3, Kemensah Height.

Ketua Pengarah Perhilitan, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim dalam kenyataannya dilaporkan berkata, pihaknya telah mengarahkan sepasukan anggota ke lokasi yang didakwa untuk menyiasat dakwaan tersebut.

Kenyataan dikeluarkan Perhilitan Selangor pada Sabtu.